

Utusan Pengerusi

Para Pemegang Saham dan Pemegang Berkepentingan yang Dihargai,

Saya berbesar hati dapat menyampaikan perutusan saya untuk laporan tahunan Fraser & Neave Holdings Bhd (F&NHB). Perutusan saya pada tahun ini lebih bermakna kerana tahun 2023 menandakan ulang tahun ke-140 F&N. Penanda aras ini bukan sahaja memperingati legasi kami tetapi juga meraikan hubungan yang telah sekian lama terjalin dengan rakyat Malaysia. Kempen seluruh negara kami yang bertema "Kisah Kita... Selamanya" mencerminkan hubungan kami yang erat dengan rakyat Malaysia dan bagi mereka pula meraikan kenangan indah yang wujud sejak sekian lama.



Sambutan ini bukan sahaja diadakan di Malaysia. Kami turut meraikan ulang tahun ke-15 TEAPOT di Thailand, Kemboja dan Laos mulai bulan Oktober 2023. Sejak diperkenalkan pada tahun 2007, TEAPOT berjaya menjadi jenama susu pekat No. 1 di Kemboja dan Laos sejak tahun 2020 dan jenama kedua terbesar dalam kategori susu sejat di Thailand sejak tahun 2022. Pencapaian ini menjadikan sambutan ini lebih bermakna untuk pelanggan dan juga pengguna kami.

Di tengah-tengah sambutan ini, izinkan saya merenung kembali perubahan dan pembaharuan yang dilalui oleh Kumpulan menerusi teknologi terkini dan pada masa yang sama kekal prihatin terhadap sumbangan kepada komuniti dan alam sekitar. Dengan kehadiran di 93 buah negara, F&N benar-benar memahami keperluan pengguna dan kami tetap mempunyai komitmen untuk terus menyediakan Nikmat Sebenar, Kebaikan Sejati bagi generasi yang akan datang.



**Y.A.M. TENGKU SYARIF BENDAHARA PERLIS
SYED BADARUDIN JAMALULLAIL
IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL
Pengerusi**

UTUSAN PENGERUSI

KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI



RM624.7 juta

DIVIDEN BAGI TAHUN



77 sen sesaham *

KEUNTUNGAN BAGI TAHUN



RM542.0 juta

PEROLEHAN ASAS SESAHAM



146.5 sen

* Termasuk cadangan dividen akhir sebanyak 33.0 sen sesaham dan dividen khas sebanyak 17.0 sen sesaham, yang hanya akan diiktiraf dalam penyata kewangan selepas kelulusan pemegang saham.

BERSATU KITA TEGUH

Kejayaan utama bagi F&NHB ialah pertumbuhan kami yang berterusan. Dalam tahun kewangan ini, tumpuan kami adalah untuk mengintegrasikan dua jenama baharu, Cocoaland dan Sri Nona, dengan F&N bagi mencapai sinergi operasi dan komersial yang lebih lancar. Dengan menggabungkan kepimpinan Cocoaland dalam industri konfeksi dan produk Halal dari Sri Nona, kita akan membuka laluan kepada segmen makanan Halal yang mantap. Inisiatif ini adalah sejajar dengan komitmen kami untuk memenuhi keperluan pengguna yang pelbagai.

Menerusi F&N AgriValley, kami membangunkan Ladang Permai Damai untuk menjadi ladang tenusu bersepadu yang lengkap dengan ladang tanaman. Matlamat kami untuk menghasilkan 200 juta liter susu setahun bagi pasaran tempatan dan antarabangsa serta mencapai kecukupan sendiri untuk makanan lembu kini sedang dicapai. Ladang tenusu ini bukan sahaja mengurangkan kebergantungan kita terhadap susu import malah turut memberi sumbangan yang besar kepada industri pertanian, sejajar dengan aspirasi Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan tahap keselamatan makanan. Kami telah mengadakan majlis pecah tanah pada bulan Jun 2023 dan sedang bergerak ke arah menyiapkan Fasa 1 pada tahun 2025.

Seperti biasa, Lembaga memberi sokongan penuh terhadap pelan pertumbuhan pihak Pengurusan. Lembaga menetapkan beberapa hari setiap tahun untuk duduk bersama Pengurusan dan berbincang tentang arah tuju Kumpulan semasa retreat strategi kami. Pada retreat baru-baru ini, kami telah mengenal pasti kepeluangannya untuk pertumbuhan baharu dan strategi yang menetapkan perancangan masa hadapan dalam jangka sederhana dan panjang. Sebagai mendasari perbincangan, kami memahami kepentingan untuk terus berpegang teguh pada nilai global kami iaitu keprihatinan terhadap pemegang berkepentingan, semangat kerjasama dan mencipta nilai ketika kami sama-sama bergerak maju ke hadapan.



MENCINTA NILAI PEMEGANG BERKEPENTINGAN

Satu ciri yang dikongsi bersama dalam nilai global kami ialah penciptaan nilai untuk pemegang berkepentingan kami. Prinsip ini telah menjadi panduan dan arah tuju kami dalam semua keputusan.

“ ”

Sejarah dengan janji untuk menyediakan Nikmat Sebenar, Kebaikan Sejati, kami terus berusaha untuk membekalkan produk yang baik untuk pelanggan kami.

Sejarah dengan janji untuk menyediakan Nikmat Sebenar, Kebaikan Sejati, kami terus berusaha untuk membekalkan produk yang baik untuk pelanggan kami. Pada tahun ini, kami memperkenalkan 100PLUS PRO High Protein bagi meningkatkan prestasi dan pemulihan ahli sukan. Seperti tahun sebelum ini, kami juga mengingatkan kepentingan untuk setiap orang kekal terhidrat pada Hari Hidrasi Sedunia. Peringatan ini amat penting kerana suhu semakin meningkat, menyebabkan kes-kes dehidrasi yang amat teruk. Sementara itu, hampir dua pertiga daripada portfolio sedia untuk diminum pada hari ini membawa Logo Pilihan Lebih Sihat, seterusnya merapatkan jurang dalam usaha mencapai sasaran kemampanan kami pada tahun 2025.



Dalam hubungan kami dengan rakan kongsi perniagaan, kami terus menambah nilai untuk pelanggan kami. Di Thailand, kami telah menjangkau lebih 50,000 penjaja melalui Program Pengurusan Penjaja kami sepanjang satu dekad yang lalu. Program yang menyeluruh ini membolehkan kami terlibat secara kerap dengan para pengendali makanan dengan memanfaatkan teknologi untuk mengurus perhubungan pelanggan, menjelajah dan menganalisis data. F&N Dairies Thailand juga meningkatkan penampilan perniagaan penjaja melalui hiasan gerai, kemas kini berkala tentang promosi terkini dan resipi produk supaya mereka sentiasa menjadi tumpuan pengguna.

Kami terus memajukan program Perkongsian Penyumberan Halal yang dilancarkan dengan kerjasama Halal Development Corporation Berhad (HDC) pada TK2019. Sehingga kini, kami telah membimbing 16 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk melayakkan diri sebagai vendor Halal bagi syarikat-syarikat besar dan multinasional (MNC). Daripada jumlah itu, dua PKS telah berkembang menjadi pembekal Halal berdaftar, termasuk beberapa perusahaan yang menjalin kerjasama dengan F&NHB.

Untuk tahun kedua berturut-turut, F&NHB menyertai Persidangan Perniagaan Halal Dunia Australia 2022, yang memfokuskan kepada keperluan Halal dan kelestarian. Kami juga terus mempromosikan usaha menggabungkan prinsip-prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus ("environmental, social and governance", ESG) dalam industri Halal melalui Forum Sektor Halal 2023. Forum yang dianjurkan oleh HDC bersempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2023 bertujuan mempromosikan kelestarian dan amalan beretika dalam pasaran Halal.



UTUSAN PENGERUSI

Hubungan kami dengan pihak berkuasa Halal bukan setakat Malaysia sahaja. Untuk menyokong pertumbuhan industri Halal serantau, kami turut terlibat dengan badan Halal antarabangsa, seperti Majelis Ulama Indonesia dan Central Islamic Council of Thailand (CICOT) untuk memastikan pematuhan dan membina sinergi bersama antara pihak berkuasa Halal di rantau ini.

Kami juga telah mulakan latihan komprehensif melibatkan semua pekerja tentang subjek tersebut. Ini termasuk latihan yang disesuaikan yang dijalankan dalam bahasa ibunda pekerja asing kami bagi memastikan pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep Halal.

Dengan kesedaran bahawa para pekerja merupakan aset kami yang paling berharga, kami terus mengutamakan kesejahteraan mereka. Pada bulan Julai 2023, kami menyediakan pemvaksinan influenza secara percuma kepada lebih 1,000 orang pekerja di seluruh negara. Kami juga meneruskan projek yang dekat di hati saya iaitu Anugerah Pengerusi yang menggalakkan kecemerlangan secara menyeluruh dalam kalangan anak-anak pekerja kami. Tahun ini wang tunai sebanyak RM206,000 telah disampaikan kepada 71 orang pelajar sekolah menengah dan universiti yang mencapai keputusan cemerlang dalam bidang akademik dan aktiviti luar kurikulum masing-masing.

Bagi mengukuhkan peranan kami dalam membina masyarakat yang lebih sejahtera, kami memanfaatkan musim perayaan untuk menyampaikan sumbangan kepada tidak kurang daripada 500 penerima termasuk anak-anak yatim, orang kurang upaya dan warga emas di 14 buah rumah kebajikan. Antara sumbangan yang disampaikan termasuk produk F&N, peralatan dapur dan pakaian.



Kami juga mengekalkan tradisi F&NHB menyokong para atlit kebangsaan sambil mempromosikan sukan secara keseluruhannya. Tahun ini, kami berbesar hati mengalu-alukan dua orang duta baharu 100PLUS – pemenang pingat perak Sukan Olimpik dan pelumba basikal trek profesional Dato' Mohd Azizulhasni Awang dan bintang badminton yang sedang meningkat, Ng Tze Yong.

Bagi pemegang saham kami, sukacita saya memaklumkan bahawa prestasi kukuh F&NHB membolehkan kami mengagihkan dividen interim sebanyak 27 sen sesaham pada bulan Jun 2023. Selain itu, kami mencadangkan dividen khas sebanyak 17 sen sesaham melebihi dividen akhir sebanyak 33 sen sesaham untuk tahun kewangan. Ini menjadikan bayaran dividen berjumlah RM282.4 juta untuk TK2023, iaitu 28.3% lebih tinggi berbanding TK2022.

PERTUMBUHAN PERNIAGAAN YANG DIPACU OLEH KELESTARIAN

Selepas melalui pandemik, resolusi kami untuk membina masa depan yang lestari menjadi semakin kukuh. Lembaga menerusi Jawatankuasa Kelestarian & Pengurusan Risiko ("Sustainability & Risk Management Committee", SRMC) akan memastikan penyatuan pertimbangan ESG yang lancar dalam semua proses strategi dan membuat keputusan kami. Fokus utama kami adalah untuk mengukuhkan platform kelestarian kami menerusi tadbir urus, akauntabiliti dan latihan.

Bagi memastikan prinsip-prinsip ESG ditanam dalam perniagaan, kami telah meningkatkan latihan kesedaran di seluruh organisasi. Pada TK2023, Lembaga dan Pengurusan Kanan telah menjalani latihan pertanian lestari selaras dengan misi kami untuk mewujudkan ladang tenusu antara yang paling lestari di negara ini. Manakala semua eksekutif pula dilatih tentang kepentingan kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar untuk perniagaan kami. Sasaran kami adalah untuk semua pekerja menjalani latihan ESG menjelang tahun 2025.



Dalam mengurus dan mengurangkan perubahan iklim, kami telah memberi sokongan kepada Pasukan Petugas tentang Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim ("Climate-Related Financial Disclosures", TCFD). Setelah mengenal pasti pemacu peralihan bahan dan risiko berkaitan iklim fizikal dalam operasi dan rantaian bekalan, kami mulakan proses mengukur risiko utama ini melalui analisis senario tahun 2023. Objektif kami adalah untuk membentangkan laporan TCFD yang komprehensif menjelang tarikh akhir yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia pada tahun 2025.

Kami terus mengurangkan jejak karbon kami melalui pelbagai inisiatif di kemudahan pengeluaran kami. Antaranya ialah sistem fotovoltaik suria (PV) atas bumbung yang dipasang di loji Shah Alam kami yang bukan sahaja antara yang terbesar di Malaysia tetapi juga membekalkan lebih separuh daripada tenaga elektrik yang diperlukan untuk menghasilkan 100PLUS. Pencapaian ini diserlahkan melalui lambang "Solar" pada pembungkusan 100PLUS bagi menandakan komitmen kami terhadap sumber tenaga boleh diperbaharui. Rancangan sedang disusun untuk mengembangkan sistem bumbung solar ke kemudahan kami yang lain.

“ ”

Dalam mengurus dan mengurangkan perubahan iklim, kami telah memberi sokongan kepada Pasukan Petugas tentang Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim ("Climate-Related Financial Disclosures", TCFD).

Pada tahun ini, kami juga telah melancarkan Program Kitar Semula di Sekolah-sekolah di seluruh negara melibatkan lebih 1,400 buah sekolah rendah dan menengah di setiap negeri di Malaysia.

Manakala pasukan kami di Thailand telah melaksanakan inisiatif pemeliharaan air di Taman Negara Air Terjun Chet Sao Noi yang membekalkan air ke loji Wang Muang. Inisiatif ini bagi mencegah hakisan tanah dan membantu menghalang kebakaran hutan pada musim panas.



UTUSAN PENGERUSI

ANUGERAH & PENGIFTIRAFAN

Di F&NHB, langkah menggabungkan prinsip-prinsip kelestarian dalam operasi kami dipacu oleh sikap bertanggungjawab yang begitu mendalam. Pengiktirafan yang terus diterima daripada para pakar industri bukan sahaja membuktikan keazaman kami untuk terus mencapai kecemerlangan, tetapi juga menjadi alat penting untuk menzahirkan komitmen kami ke arah perniagaan yang lebih baik, masyarakat yang lebih sejahtera dan planet yang lebih hijau untuk para pemegang berkepentingan kami.

Pada TK2023, kami berbesar hati menerima Anugerah Emas bagi Produk dan Perkhidmatan Pengguna oleh The Edge Malaysia ESG Awards 2023. Dalam Penilaian Kelestarian Korporat Global S&P (S&P CSA) yang kedua, kami berada pada tangga keenam daripada 101 buah syarikat dalam industri minuman di seluruh dunia.

CONSUMER PRODUCTS & SERVICES

GOLD FRASER & NEAVE HOLDINGS BHD



Daripada segi hubungan pekerja, kami telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam Anugerah Pengalaman Pekerja (Malaysia) dengan menggondol pingat Emas untuk Strategi Transformasi Digital HR Terbaik dan pingat Perak untuk Pengalaman Onboarding Terbaik. Kami juga telah dipilih sebagai antara Majikan Pilihan Graduan 5 Teratas untuk Bekerja pada tahun 2023, khususnya dalam kategori Barangan Pengguna Cepat Laris di Anugerah Pilihan Graduan (GCA) 2023.

Operasi kami di Thailand terus menerima pujian atas usaha cemerlang mereka terhadap keselamatan pekerja, serta pembangunan komuniti melalui program Ladang Cemerlang bersama beberapa koperasi susu tempatan yang berpangkalan di Thailand. F&N Dairies Thailand menerima Anugerah Keselamatan Kebangsaan Thailand 2023 dan Anugerah Berterusan CSR-DIW 2023 daripada Kementerian Perindustrian Thailand dan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Buruh Thailand 2023 oleh Jabatan Perlindungan dan Kebajikan Buruh, Kementerian Buruh Thailand.

Platform ESG kami yang kukuh telah secara konsisten meletakkan kami dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) untuk tahun kelima berturut-turut, dengan peningkatan penarafan 4.6 daripada 5.0 dan mencapai peratusan ke-100 pada bulan Jun 2023. F&NHB juga merupakan komponen dalam Indeks Syariah FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBMS) untuk tahun ketiga berturut-turut, bagi membuktikan amalan perniagaan kami yang beretika dan patuh Syariah.

Usaha kolektif kami untuk industri dan komuniti Halal telah memberikan kami Anugerah Kecemerlangan Inovasi Halal yang berprestij pada Anugerah Kecemerlangan Halal Dunia 2022 (WHEA 2022) baru-baru ini. Sebagai menekankan lagi komitmen kami terhadap amalan tadbir urus yang kukuh, F&NHB telah dimasukkan dalam Kelas Aset ASEAN dengan memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) dalam Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN (ACGS) 2021.

Manakala itu, kualiti laporan kelestarian kami terus diiktiraf sebagai yang terbaik dalam kumpulannya dan menyaksikan kami memenangi anugerah Platinum untuk tahun kedua berturut-turut pada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2020.



PENGHARGAAN

Perkembangan perniagaan F&NHB yang semakin meningkatkan sejak 140 tahun menjadi bukti bukan sahaja kepada kepintaran strategik dalam perlihan kepimpinan yang meneraju Kumpulan tetapi juga kekuatan perkongsian yang kami bina dengan pelbagai pemegang berkepentingan yang telah menyumbang kepada kejayaan perniagaan kami. Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan saya kepada para pemegang kepentingan kami termasuk para pengguna, pelanggan, rakan kongsi perniagaan, pemegang saham, pekerja dan pengarah kami.

Kami melahirkan rasa dukacita atas pemergian bekas Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif, Dato' Jorgen Bornhoft. Bagi pihak Lembaga dan pasukan pengurusan, saya mengucapkan takziah kepada keluarga Dato' Bornhoft. Sepanjang perkhidmatan mendiang selama sembilan tahun dan lapan bulan, Dato' Bornhoft telah memainkan peranan penting dalam membantu menentukan arah tuju organisasi.

Seterusnya, kami mengalu-alukan kedatangan En. Micheal Chye sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. En. Chye ialah Ketua Kumpulan Produk Bir di Thai Beverage Public Company Limited, Ketua Pegawai Eksekutif BeerCo Limited, Wakil di Sisi Undang-undang/Pengerusi Lembaga Pengurusan Vietnam F&B Alliance Investment Joint Stock Company dan Wakil di Sisi Undang-undang di Vietnam Beverage Company Limited. Beliau juga menganggotai Lembaga Vinamilk (Vietnam Dairy Products Joint Stock Company).

Kami telah berjaya memperoleh pencapaian yang tinggi sejak bermula dengan lebih kecil sebagai pengeluar minuman ringan berkarbonat. Namun kami memiliki cita-cita untuk pergi lebih jauh lagi. Dengan sokongan yang tidak berbelah bahagi dari para pemegang berkepentingan dalam dan luaran, kami mampu menempah lebih banyak kejayaan apabila kita sama-sama Bergerak ke Hadapan sebagai sebuah pasukan.

Y.A.M. TENGKU SYARIF BENDAHARA PERLIS
SYED BADARUDIN JAMALULLAIL
IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL
Pengerusi